

## BAB III

### PENYEBARAN ISLAM DI KERAJAAN DELI

#### 3.1. PROSES PENYIARAN ISLAM DI KERAJAAN DELI

Agama Islam telah tersebar di negeri ini seiring dengan kemasukan agama Islam di Samudera Pasai yang dibawa langsung dari tanah Arab. Kenyataan ini dinyatakan di dalam Hikayat Raja Pasai bahawa rombongan nakhoda Ismail dan Faqir Muhammad yang mula-mula datang mengislamkan Fansur (Barus) kemudian Lamiri (Lamuri), lalu ke Haru dan dari sana di Islamkan pula Raja Samudera Pasai Merah Silu yang bergelar Sultan Malik al-Saleh.<sup>162</sup>

Peristiwa ini berlaku kira-kira pada pertengahan abad ke 13 Masihi, sebagaimana Marcopolo mendakwa, bahawa beliau pernah bertemu dengan Sultan Malik al-Saleh dalam tahun 1292 M, iaitu sewaktu beliau mengunjungi Kerajaan Pasai. Menurut beliau, *majority* penduduk negeri itu sudah memeluk agama Islam. Dengan demikian dapatlah dikatakan bahawa agama Islam telah masuk ke Sumatera Timur atau Haru kira-kira lebih kurang pada masa pertengahan abad ke 13 Masihi<sup>163</sup> atau lebih awal lagi.

---

<sup>162</sup> Lukman Sinar (1986), *Sari Sejarah Serdang, op. cit.* h. 4

<sup>163</sup> *Ibid*

Menurut Tengku Admansyah, Kerajaan Pasai adalah merupakan kerajaan Islam pertama dan rajanya Malik al-Saleh adalah raja Islam pertama di Indonesia, bahkan di Nusantara. Pada masa ini kerajaan Pasai adalah merupakan Kerajaan Melayu, sebab rajanya yakni Malik al-Saleh adalah berasal dari Kerajaan Haru Wampu yang bernama Merah Silu (Silou).<sup>164</sup>

Menurut beliau juga terdapat dua etnis yang memerintah di negeri Pasai, iaitu golongan Melayu (Dinasti Malik al-Saleh) memerintah selama 243 tahun dan yang kedua adalah etnis Aceh bermula dari tahun 1514 M, iaitu setelah keruntuhan Dinasti Malik al-Saleh pada 1513 M.<sup>165</sup> Setelah keruntuhan Dinasti ini maka pemerintahan bertukar kepada etnis Aceh yang di pimpin oleh Raja Ibrahim yang bergelar Sultan Ali Mughayat Syah.<sup>166</sup>

Dari keterangan di atas dapat diambil kesimpulan bahawa agama Islam masuk ke Haru adalah seiring dengan penyebaran agama Islam di Pasai, iaitu pada abad ke 13 Masihi. Kedatangan Islam ke daerah ini adalah pada zaman pemerintahan Haru III (Balun Aru) yang berpusat di Aru Deli Tua. Pendapat ini sama dengan pendapat Sir Thomas W. Arnold yang mengatakan bahawa agama Islam dibawa oleh Syaikh Ismail dari Malabar ke Pansuri kemudian ke Lamiri dan

---

<sup>164</sup> Admansyah (t.t), *Peranan Budaya Melayu Sebagai Sub Kultur Kebudayaan Nasional*, op. cit, h. 39

<sup>165</sup> *Ibid*

<sup>166</sup> Edi S. Ekadjadi, *Op .cit*,h. 30

akhirnya sampai ke wilayah Haru, iaitu suatu negeri yang terletak berhadapan Selat Melaka.<sup>167</sup>

Berita China ada menyebut bahawa raja dan semua negeri Haru adalah menganut agama Islam, bahkan sistem pemerintahan negeri itu sudah berubah dari sistem beraja kepada sistem kesultanan yang berasaskan kepada Islam. Adapun raja yang memerintah ketika itu adalah Sultan Husein atau dalam sebutan China (*So-Lo-Tan Hu sin*), iaitu sekitar tahun 1411 M.<sup>168</sup>

Menurut keterangan di atas jelaslah bahawa pengaruh Islam sudah kuat di wilayah itu. Pengaruh Islam telah nampak jelas bukan sahaja terhadap fahaman agama akan tetapi juga telah menjalar kedalam sistem pemerintahan, sehingga pemimpin negeri itu tidak lagi dipanggil sebagai raja akan tetapi sebagai sultan. Kedudukan sultan adalah sama seperti Khalifah didalam sistem pemerintahan Islam.

Ada pendapat mengatakan bahawa Islam telah masuk ke wilayah ini bukan melalui Kerajaan Aceh seperti yang didakwah sebahagian besar ahli sejarah, akan tetapi dibawa oleh seorang ulama keturunan Arab yang bernama Ali Akbar. Beliau adalah cucu kepada Abu Daud Alai seorang ulama yang aktif mengembangkan dakwah Islamiah di Tiongkok. Seorang cucu kepada Abu Daud

---

<sup>167</sup> Sir Thomas W. Arnold (t.t), *op. cit.*, h. 405

<sup>168</sup> Zakariya Ahmad (t.t), *op. cit.*, h. 65

Alai yang bernama Ali Akbar telah datang ke Sumatera dan bermukim di sana melalui misi Laksamana Cheng Ho yang berasal dari Yunan.<sup>169</sup> Konon ceritanya beliau mempunyai hubungan keluarga dengan Langsamana Cheng Ho.

Untuk menguatkan lagi fakta tersebut, dapat diketahui melalui makam seorang ulama yang dikenali sebagai Sadiq Abdullah di daerah Kalumpang wilayah Hampan Perak. Pada makam tersebut termaktub tarikh wafatnya, iaitu 23 Syaaban 998 H bersamaan dengan 1590 M. Dengan demikian dapat pula diperhitungkan bahawa beliau telah mengembangkan dakwah Islamiah di daerah tersebut selama beberapa tahun lamanya sebelum beliau wafat.<sup>170</sup>

Selain itu ada juga pendapat yang mengatakan bahawa agama Islam telah masuk ke Haru adalah melalui Kerajaan Melaka, di mana sekitar abad ke 15, Melaka aktif memperluas kekuasaannya sehingga ke Sumatera termasuk wilayah Haru. Kota-kota pelabuhan di pantai Timur Sumatera telah dikuasai oleh Melaka. Dengan demikian pengaruh Melaka telah memainkan peranan penting di daerah-daerah tersebut.

Bersamaan dengan gerakan perluasan kekuasaan tersebut telah dilakukan pula kegiatan penyebaran Islam. Dalam setiap pasukan tentera yang diutus ke berbagai daerah, diikuti pula para oleh mubaligh yang menjalankan dakwah

---

<sup>169</sup> Admansyah (t.t), *Butir-Butir Sejarah Suku Melayu Pesisir Sumatera Timur*, *op. cit.*, h. 26

<sup>170</sup> MUI (1982), *op. cit.*, h. 73

Islamiah, disamping setiap prajurit Melaka juga adalah orang-orang Islam yang ikut serta menyiarkan Islam.<sup>171</sup>

Dari keterangan di atas dapat diambil kesimpulan bahawa proses penyiaran agama Islam di daerah ini telah memakan waktu yang panjang sekali, bahkan berabad-abad lamanya. Hal ini berlaku kerana dorongan utama untuk mengembangkan agama tersebut melalui beberapa faktor yang berbeza, namun ajaran yang mereka bawa adalah aliran yang sama, iaitu ajaran Islam Sunnah.

### **3.2. BEBERAPA FAKTOR PENYEBARAN ISLAM DI KERAJAAN MELAYU DELI**

Jika diperhatikan sejarah perkembangan Islam di Nusantara khususnya di Sumatera, maka dapat dilihat, bahawa agama ini telah berkembang dengan begitu pesat. Namun perkembangan ini telah memakan masa yang cukup lama. Arus ini berlaku kerana adanya beberapa faktor yang membantu terjadinya proses penyebaran dan pengembangan agama tersebut. Melalui faktor-faktor tersebut agama Islam mudah diterima oleh masyarakat tempatan. Faktor-faktor tersebut juga behubungan langsung dengan masyarakat tempatan.

Dengan dorongan beberapa faktor tersebut lebih mendekatkan hubungan antara muballigh-muballigh yang mengembangkan aktiviti dakwah dengan masyarakat, sehingga memudahkan bagi mereka untuk bekerjasama dalam hal

---

<sup>171</sup> Edi S. Ekadjadi (1975), *op. cit.*, h. 29

dakwah. Cara sedemikian adalah merupakan salah satu metode dakwah yang penuh hikmah dan bijaksana, oleh kerana itu apapun faktor yang mendorong perkembangan Islam di daerah-daerah tersebut telah berjalan dengan aman dan selamat.

### **3.2.1. Faktor Perniagaan**

Pantai Timur Sumatera merupakan daerah yang paling penting dalam proses penyebaran dan pengembangan agama Islam di Nusantara ini. Menerusi pantai Timur Sumatera, para pedagang asing serta pendakwah datang ke Sumatera. Ini menjadikan Sumatera sebagai tumpuan dagangan dan merupakan daerah yang terpenting dalam hubungan antarabangsa. Sumatera juga pada ketika itu, mempunyai hubungan yang erat sekali dengan Melaka, Majapahit, China, India serta negara-negara di bahagian Asia Barat.

Disebabkan keadaannya yang menjadi tumpuan antarabangsa, maka tidak hairanlah jika agama Islam paling awal sekali bertapak di rantau itu. Bermula di Aceh sehingga akhirnya tersebar luas diseluruh pelusok Nusantara, terutamanya di daerah pinggiran pantai. Setelah Islam tersebar luas di Pulau Sumatera, maka kerajaan-kerajaan Islam lain turut berdiri menggantikan kedudukan kerajaan Hindu dan Buddha. Kerajaan Islam yang pertama sekali berdiri di Sumatera adalah kerajaan Pasai di Aceh.

Ketika itu terdapat dua buah pelabuhan besar di Sumatera Timur yang menjadi tumpuan para pedagang antarabangsa, iaitu pelabuhan Barus dan pelabuhan Haru. Barus merupakan pelabuhan penting yang terkenal di seluruh dunia sebelum kedatangan Islam lagi. Pelabuhan ini ramai dikunjungi oleh pedagang asing seperti Arab, China, Parsi dan lain-lain, kerana penghasilan negerinya yang banyak seperti rempah-ratus dan kapur barus yang bermutu tinggi.<sup>172</sup> Bahkan perdagangan kapur barus telah berlaku semenjak sebelum kedatangan Islam lagi.

Pelabuhan Haru yang terletak berhadapan dengan Selat Melaka pula menjadi tempat persinggahan kapal-kapal asing yang melalui laluan antarabangsa dan melalui perairan Selat Melaka bagi menunggu pertukaran musim. Daerah ini sudah dikenali sebagai bandar besar sejak zaman Dinasti Tang lagi. Penemuan beberapa keping mata wang China zaman Dinasti Tang telah menjadi bukti menyokong fakta ini.<sup>173</sup>

Sebuah lagi Bandar terdapat juga di daerah ini, yang disebut sebagai Kota China yang terletak beberapa kilometer daripada Bandar Medan, pusat kerajaan Melayu Deli. Di Kota China ini telah ditemui beberapa buah patung Buddha serta mata wang Tiongkok yang telah terkubur sedalam satu meter dibawah tanah.<sup>174</sup> Penemuan tersebut menunjukkan bahawa Haru dan daerah di sekitarnya telah

---

<sup>172</sup> Meuraxa (t.t), *Sejarah Masuknya Islam Ke Bandar Barus Sumatera Utara*, *op. cit.*, h. 14

<sup>173</sup> *Ibid*

<sup>174</sup> Lukman Sinar (1986), *Sari Sejarah Serdang*, *op. cit.*, h. 2

menjadi pusat perdagangan serta kebudayaan pada masa kegemilangan Hindu-Buddha. Penemuan yang serupa turut diperolehi di sekitar 80 KM kearah Utara Medan, iaitu di Pulau Kompai dan sekitar Teluk Haru.<sup>175</sup>

### **3.2.2. Faktor Persaingan Dalam Penyebaran Agama**

Secara umumnya hampir keseluruhan kepulauan Nusantara beransur-ansur menerima perubahan akibat pengaruh yang dibawa oleh Islam. Dengan perubahan demi perubahan yang berlaku menjadikan daerah ini lebih maju dan semakin dikenali di dunia antarabangsa, terutama dalam aktiviti perdagangan yang memang telah tersohor sejak dahulu kala.

Terdapat juga sebahagian daripada saudagar yang datang ke rantau ini menggunakan peluang yang ada untuk menunaikan kewajipan sebagai seorang Muslim, iaitu menyampaikan dakwah Islamiah kepada masyarakat tempatan, bahkan ada juga yang datang semata-mata untuk berdakwah. Mereka ini terdiri daripada golongan muballigh atau pendakwah yang diutus untuk mengembangkan ajaran Islam. Usaha yang mereka lakukan ternyata mendapat sambutan yang menggalakkan dari masyarakat tempatan.

Sementara itu orang-orang Barat, terutamanya bangsa Portugis mula mengalihkan perhatian ke kepulauan Nusantara. Mereka berlumba-lumba datang ke rantau ini dengan tujuan berdagang dan misi Kristian, ditambah dengan

---

<sup>175</sup> *Ibid*, h. 3



dorongan semangat Perang Salib yang berlaku sejak beberapa abad bertujuan bagi menentang perluasan Islam. Dengan timbulnya persaingan ini, maka semakin menjadi dorongan bagi kegiatan penyebaran agama Islam di rantau ini.<sup>176</sup>

Kedatangan orang Barat ke daerah ini merupakan satu tamparan yang hebat terhadap orang-orang Islam terutama setelah kejatuhan Melaka ke tangan Portugis. Hal yang sama juga turut berlaku di beberapa daerah di Nusantara. Seperti halnya di Sumatera, orang Barat telah datang ke daerah ini dengan tujuan untuk menyiarkan agama Kristian kepada masyarakat tempatan dengan mendirikan sebuah gereja di daerah tersebut, tetapi hasrat mereka telah ditentang oleh Sultan Deli. Akhirnya mereka pergi ke kawasan pedalaman tanah Karo dan melakukan *aktiviti* dakwah di sana.<sup>177</sup>

Penyebaran agama Kristian di wilayah pedalaman Sumatera Utara merupakan dasar pemerintahan penjajah Belanda di kalangan suku-suku yang bukan Islam, khususnya di kalangan suku bangsa Batak dan Karo yang pada asalnya merupakan penganut fahaman Pelbegu, iaitu satu fahaman yang tidak bertuhan. Belanda sengaja menyekat kemasukan agama Islam di daerah-daerah tersebut agar misi Kristian yang dibawanya berjalan dengan lancar.

---

<sup>176</sup> Abdullah Ishak (1990), *op. cit.*, h. 71

<sup>177</sup> MUI (1982), *op. cit.*, h. 93

Agama Kristian telah di sebarkan secara besar-besaran di Indonesia sekitar tahun 1880-an oleh penjajah Belanda.<sup>178</sup> Walau bagaimanapun usaha penjajah ini hanya berkesan terhadap suku bangsa Batak, Karo, Pakpak Toba dan lain-lain, namun ianya tidak menjejaskan aqidah masyarakat Melayu yang sangat kuat dan taat kepada ajaran agama Islam.

Keadaan yang berlaku menimbulkan kesedaran bagi setiap umat Islam ketika itu untuk merasa sama-sama bertanggung jawab bagi menyebarkan lagi dakwah Islamiah bukan sahaja di kalangan masyarakat Melayu, akan tetapi ke seluruh daerah dan pelusok serta ke pelbagai suku bangsa. Kegiatan dakwah seperti ini masih berterusan sehingga sekarang, terutamanya di daerah pedalaman seperti tanah Karo dan Batak Toba yang dikendalikan oleh pertubuhan-pertubuhan Islam seperti Alwashliyah, MUI dan lain-lain.

### **3.2.3. Faktor Perkahwinan**

Salah satu usaha penyebaran agama Islam yang dilakukan oleh para saudagar dan para pendakwah adalah menerusi ikatan perkahwinan. Perkahwinan biasanya berlaku di antara saudagar-saudagar Islam dengan gadis tempatan terutama puteri-puteri pembesar istana dan kerajaan atau perkahwinan antara puteri satu negeri dengan putera kerajaan lain.<sup>179</sup> Hal ini merupakan salah satu

---

<sup>178</sup> Ariffin Omar (1999), *Revolusi Indonesia Dan Bangsa Melayu; Runtuhnya Kerajaan-Kerajaan Melayu Smatera Timur Pada Tahun 1946*, Pulau Pinang: USM, h. 33

<sup>179</sup> Abdullah Ishak (1990), *op. cit.*, h. 74

faktor yang mempercepat proses penyebaran Islam secara menyeluruh, iaitu bermula dari keluarga istana dan pembesar-pembesar kerajaan, kemudian diikuti oleh rakyat jelata.

Kadang kala berlaku juga perkahwinan antara para saudagar Islam dengan wanita-wanita biasa yang bukan dari golongan bangsawan atau keluarga istana, akan tetapi mereka berasal dari keluarga berada dan berpengaruh di kalangan masyarakat tempatan.<sup>180</sup> Menerusi cara tersebut, mudahlah bagi mereka untuk mengembangkan dakwah Islam di seluruh kalangan masyarakat. Hal seperti ini juga pernah berlaku di negeri China setelah Dinasti Tang membenarkan pedagang-pedagang Arab berkahwin dengan wanita tempatan.<sup>181</sup>

Sistem pekahwinan sebegini turut memainkan peranan yang penting dalam penyebaran Islam dalam kerajaan Deli. Perkara ini berlaku sewaktu Kerajaan Aceh telah berhasil melancarkan tiga misi utamanya keatas kerajaan tersebut, iaitu menghapuskan saki baki penentangan Haru terhadap Aceh, mengembangkan misi Islam ke daerah pedalaman dan mengatur pemerintahan yang menjadi sebahagian dari kekuasaan Aceh.<sup>182</sup>

Peristiwa Gocah Pahlawan sebagai wakil pemerintahan Aceh yang berkahwin dengan adik Raja Sunggal Puteri Nang Baluan Beru Surbakti,

---

<sup>180</sup> Lah Husny (t.t), *Butir-Butir Adat Budaya Melayu Pesisir Sumatera Timur*, *op. cit*, h. 34

<sup>181</sup> Abdullah Ishak (1990), *op. cit*, h. 74

<sup>182</sup> Lukman Sinar (1991), *Sari Sejarah Serdang 2*, *op. cit*, h. 34

menyaksikan wilayah tersebut diserahkan kepada Gocah Pahlawan. Selepas berlangsungnya ikatan perkahwinan.<sup>183</sup> Dengan adanya ikatan perkahwinan ini, maka hubungan antara Gocah Pahlawan dengan rakyat bekas Kerajaan Haru menjadi dekat, kerana ikatan perkahwinan tersebut telah menghubungkan persaudaraan antara mereka.

#### 3.2.4. Faktor Penaklukan

Perkembangan dakwah Islamiah di Nusantara juga dapat dilakukan melalui penaklukan sesebuah kerajaan oleh kerajaan Islam. Penaklukan berlaku bukan sahaja disebabkan raja dan para pembesar yang terdorong untuk menganut Islam, tetapi rakyat biasa turut terpengaruh sama, bahkan bila negeri yang ditakluki itu sudah menganut agama Islam sepenuhnya, maka kegiatan penyebaran Islam di wilayah-wilayah tersebut turut bertambah dan meningkat.<sup>184</sup>

Kerajaan Aceh adalah di antara kerajaan Islam yang teragong di Asia Tenggara. Jajahan takluknya yang sangat luas meliputi Sumatera dan Semenanjung Tanah Melayu. Ini merupakan peluang besar bagi Aceh untuk menyebarkan agama Islam di daerah-daerah tersebut. Ramai yang berpendapat bahawa perkembangan Islam di Nusantara ini adalah berpunca dari Aceh, kemudian barulah Melaka dan negeri-negeri lain.

---

<sup>183</sup> *Ibid*

<sup>184</sup> Abdullah Ishak (1990), *op. cit*

Seperti di Kerajaan Melayu Deli, melalui Gocah Pahlawan, pemerintahan Aceh mengutamakan tugas pentadbirannya dalam bidang pemerintahan dengan memperkuat adat dan dakwah Islamiah terhadap penduduk tempatan.<sup>185</sup> Bahkan menjangkau ke pedalaman Karo dan Batak Toba. Ini sesuai dengan misi penaklukan Kerajaan Deli, kerana ianya dijadikan sebagai batu loncatan untuk menembusi ke daerah-daerah pelusok dan pedalaman Sumatera.

Bagi Kerajaan Aceh adalah sangat sukar untuk menguasai daerah-daerah lain di Sumatera tanpa melalui kerajaan Deli. Oleh kerana sebelum menakluk mana-mana kerajaan lain Aceh harus terlebih dahulu menakluk Kerajaan Deli. Apabila kerajaan ini telah berjaya di taklukkan maka dengan begitu mudah Kerajaan Aceh akan melakukan penaklukan erhadap kerajaan-kerajaan yang lain.

Selain kerajaan Aceh kerajaan Melaka juga memainkan peranan yang penting dalam penyebaran Islam di negeri-negeri yang di taklukinya. Jajahan takluk Melaka bukan sahaja di wilayah semenanjung Malaysia seperti negeri Pahang, Terengganu, Kedah, Johor dan Pattani, bahkan sampai ke Kepulauan Sumatera seperti Kampar, Siak Seri Indera Pura, Indradiri, Bengkalis<sup>186</sup> dan Sumatera Timur.

---

<sup>185</sup> Lah Husny (t.t), *Lintasan Sejarah Peradaban Dan Budaya Penduduk Melayu Pesisir Sumatera Timur*, *op. cit*, h. 39

<sup>186</sup> Abdullah Ishak (1990), *op. cit*, h . 78

Abad ke-15 Masihi adalah merupakan kemuncak kejayaan kerajaan Melaka, kekuasaan Melaka hampir menguasai seluruh perairan Sumatera Timur dan Barat. Dalam penaklukan ini kerajaan Melaka turut mengembangkan Islam ke daerah-daerah tersebut, sehingga akhirnya daerah jajahan takluknya memeluk agama Islam. Sesudah itu Sultan Melaka mengahwinkan raja-raja yang ditaklukinya dengan puteri-puteri Melaka, bagi memudahkan usaha penyebaran Islam.<sup>187</sup>

Berdasarkan fakta tersebut di atas dapatlah diambil kesimpulan bahawa agama Islam, terlebih dahulu berkembang di kalangan orang istana sebelum menyebar luas di tengah-tengah masyarakat biasa. Hal ini berlaku kerana sesebuah kerajaan yang telah ditakluki oleh kerajaan Islam tidak dapat tidak raja serta pembesarnya mesti tunduk kepada raja yang telah menakluki kerajaan tersebut.

Setelah rajanya masuk Islam, maka agama tersebut akan disebar luaskan kepada seluruh masyarakat supaya rakyat juga turut memeluk agama Islam. Penyebaran Islam bukan saja dilakukan di daerah-daerah Bandar, akan tetapi disampaikan juga ke daerah-daerah pedalaman yang pada umumnya sangat taasub dengan kehidupan yang liar serta fahaman Animisme.

---

<sup>187</sup> Edi S. Ekadjadi (1975), *op. cit.*, h. 29

### **3.3. TEORI KEDATANGAN ISLAM DI KERAJAAN DELI**

Teori kedatangan Islam di kerajaan Deli adalah sama seperti teori-teori kedatangan Islam di Indonesia, berdasarkan beberapa pendapat sarjana yang menjelaskan fakta-fakta tersebut. Pada umumnya para sarjana mendakwa bahawa kedatangan Islam di Indonesia adalah dari semenanjung Arab, memandangkan kepada hubungan dua hala antara kedua negara, namun dari pihak yang lain ada pula yang berpendapat bahawa perkembangan Islam di Indonesia bukan berasal dari Arab akan tetapi dari Negara Islam lain, seperti Parsi, India dan China.

Masing-masing teori tersebut telah diperkuat dengan alasan-alasan dan bukti-bukti yang menunjukkan bahawa agama Islam tersebar ke seluruh Nusantara adalah berasal dari negara-negara tersebut yang telah mempunyai hubungan awal dengan Indonesia. Untuk lebih jelas akan dapat dilihat di dalam huraian teori-teori tersebut sebagai berikut:

#### **3.3.1. Kedatangan Islam Melalui Semenanjung Arab**

Pendapat ini berdasarkan bahawa hubungan dagang antara Asia Barat dengan Indonesia telah berlaku sejak sebelum kelahiran agama Islam di semenanjung Arab lagi. Aktiviti perdagangan ini berkekalan sehingga zaman lahirnya Islam sekitar abad ke 7 Masihi. Menurut Prof. Rivet seorang ahli sejarah bahawa perdagangan antara Indonesia dengan dunia luar telah bermula sejak 6000

tahun yang silam.<sup>188</sup> Oleh kerana itu tidak hairanlah jika hubungan dengan dunia luar dapat terjalin dengan baik, sehingga berlakunya perubahan agama dan budaya.

Teori ini telah dikemukakan oleh Wang Gungwu dan A.C. Majul yang mengatakan bahawa pedagang-pedagang Arab telah melakukan monopoli perdagangan di perairan Asia Tenggara, bahkan ada di antara mereka yang telah mendirikan penempatan di kawasan pesisir pantai Nusantara.<sup>189</sup> Selain daripada sarjana-sarjana tersebut pendapat ini juga di sokong kuat oleh Sir. John Crawford, sebagaimana yang telah dibentangkan di dalam Seminar Kedatangan Islam di Indonesia Oleh Prof. Madya. Wan Husein Azmi.<sup>190</sup>

Seperti apa yang dikatakan oleh S.A.E. Morley bahawa sumber dari Arab sendiri ada mengatakan bahawa sekitar abad ke-7 Masihi ramai pedagang Arab yang berulang-alik di India dan Tiongkok serta berhenti di perairan Sumatera, bahkan mereka telah menduduki salah sebuah pulau di perairan tersebut,<sup>191</sup> pulau yang dimaksud ialah pulau Morsala yang bermaksud “Solat” atau “Utusan”, kerana penduduk tempatan sering menyaksikan saudagar Arab singgah atau solat di pulau tersebut

---

<sup>188</sup> Dada Meuraxa (t.t), *Masuknya Islam Ke Bandar Barus*, op. cit, h. 14

<sup>189</sup> Abdul Rahman Hj. Abdullah (t.t), *Sejarah Dan Pemikiran Islam*, Kuala Lumpur: Penerbitan Pena Sdn. Bhd, h. 224

<sup>190</sup> Wan Husein Azmi (1980), *Islam Di Aceh Masuk Dan Berkembangnya Hingga Abad XVI* Dalam A. Hasmy: *Sejarah Masuk Dan Berkembangnya Islam Di Indonesia*, Medan: PT. Al-Maarif

<sup>191</sup> Dada Meuraxa (t.t), *Masuknya Islam Ke Bandar Barus*, op. cit, h. 18



Teori di atas juga mendapat sokongan sarjana tempatan seperti Hamka yang mengatakan bahawa awal kemasukan Islam ke Indonesia pada abad pertama Hijriyah adalah secara terus dari Arab. Daerah yang pertama didatangi Islam adalah pesisir Sumatera dan raja yang berada di Aceh ketika itu merupakan raja Islam yang pertama di Nusantara. Pendapat ini bersesuaian dengan keputusan seminar sejarah masuknya Islam di Indonesia yang diadakan di Medan pada 17-20 March 1963.<sup>192</sup>

Untuk memperkuat lagi teori ini para sarjana yang menyokong pendapat ini mengemukakan beberapa alasan seperti berikut:<sup>193</sup>

1. Bahawa Islam masuk ke negeri-negeri Melayu secara langsung dari Mekah, melalui seorang utusan yang dihantar oleh Syarif Mekah, iaitu Syekh Ismail bersama Fakir Muhammad bekas raja Malabar.
2. Pengislaman di negeri Aceh dirintis oleh Syekh Abdullah Arif yang tiba dari tanah Arab bersama muridnya Burhanuddin.
3. Pengaruh mazhab Syafie di negeri-negeri Melayu yang begitu kuat membuktikan bahawa muballigh yang menyebarkan Islam di negeri ini adalah berasal dari Arab, kerana di semenanjung Arab terdapat

---

<sup>192</sup> Dada Meuraxa (1963), *Sejarah Masuknya Islam Ke Bandar Barus Sumatera Utara*, op. cit, h. 36

<sup>193</sup> Hamka (1963), *Sejarah Masuknya Islam K Indonesia*, op. cit, h. 87-88

sebuah kerajaan yang sezaman dengan kerajaan Aceh iaitu kerajaan Mameluk di Mesir yang menganut mazhab Syafie.<sup>194</sup>

4. Mazhab Syafie mengalir dan memanjang dari Mekah melalui pantai Selatan Tanah Arab , iaitu Yaman, Hadramaut, langsung ke Malabar. Penganutnya tidak merasai perbezaan bangsa, keana ikatan ummah dang mereka memakai bahasa Arab. Orang-orang Indonesia pula sejak abad pertama telah menggali *ideology* Isam ke Mekah dengan berasaskan mazhab Syafie, iaitu fahaman ahli sunnah wal jamaah.

Teori ini menjelaskan bahawa, kedatangan Islam di Indonesia dapat dibahagikan kepada dua kaedah atau cara utama yang masing-masing mempunyai kepentingan tersendiri, iaitu kepentingan dagang dan kepentingan dakwah Islamiah. Melalui kaedah ini agama Islam berkembang dengan begitu mudah di tengah-tengah masyarakat sebarang batasan. Kaedah-kaedah tersebut adalah seperti berikut:

#### **A. Kepentingan Dagang**

Para saudagar Arab telah datang ke perairan Indonesia dianggarkan semenjak abad pertama Masihi.<sup>195</sup> Pada waktu itu di Pantai Barat Sumatera terdapat beberapa pelabuhan yang sudah terkenal di mata dunia antarabangsa, antaranya ialah pelabuhan Barus dan Fansur. Kedatangan para saudagar Arab ke

---

<sup>194</sup> Wan Husein Azmi (1980), *op. cit.*

<sup>195</sup> Hämüd Usmän (t.t), *Al-Muslimün Fī al-Ālam*, *op. cit.*, h. 15

pelabuhan tersebut adalah untuk memperolehi kapur barus yang dihasilkan dari negeri Barus di Sumatera. Kapur barus yang dihasilkan dari daerah ini mempunyai nilai dan bermutu tinggi serta terkenal di seluruh dunia.<sup>196</sup>

Sesetengah riwayat ada yang mengatakan bahawa orang-orang Mesir Kuno di zaman Firaun ramai yang telah datang ke Barus untuk membeli kemenyan putih dan kapur barus untuk kegunaan orang mati di Afrika. Malah turut dipercayai bahawa raja Mesir Kuno, iaitu Ramses kedua dan ketiga yang mati di Laut Merah telah diawetkan (mummi) dengan menggunakan kapur barus dan rempah-rempah dari negeri Barus dekat daerah Natal di Sumatera Utara.<sup>197</sup>

Oleh kerana itu tidak hairanlah jika ada yang mengatakan bahawa perdagangan kapur barus ketika itu sebanding dengan perdagangan emas. Kapur barus yang diperolehi dari daerah ini sangat bermutu tinggi dan mempunyai kualiti yang sangat baik sehingga harga pasarannya juga mahal membuat para pedagang semakin meminatinya.

Setelah kedatangan Islam keperluan terhadap kapur barus dijangka semakin meningkat setelah adanya anjuran Nabi Muhammad S.A.W, agar menggunakan kapur barus semasa memandikan mayat, sebagaimana sabda baginda ketika salah seorang anak perempuannya wafat sebagai berikut:

---

<sup>196</sup> Meuraxa (1963), *Sejarah Masuknya Islam Ke Bandar Barus*, *op. cit.*, h. 14

<sup>197</sup> *Ibid*

قال صلى الله عليه وسلم: " اغسليها ثلاثا أو خمسا أو أكثر من ذلك إن رأيتن, بماء وسدر واجعلن في الآخرة كافورا, أو شينا من كافور, وابدأن بميامنها ومواضع الوضوء منها"<sup>198</sup>

Maksudnya: "*Mandikanlah akannya tiga kali atau lima kali atau lebih dengan air dan bidara kemudian campurlah dengan kapur barus dan hendaklah kamu memulai dengan bahagian kanannya dan anggota wuduknya*"

Berdasarkan kepada hadis di atas, maka para pengembara bangsa Arab berusaha keras untuk menempuh perjalanan yang cukup jauh untuk mendapatkan kapur barus dan juga barang-barang lain yang terdapat di Sumatera. Dalam misi perdagangan ini secara tidak langsung sedikit demi sedikit mereka telah mengembangkan dakwah Islamiah melalui tingkah laku dan akhlak Islam yang telah mereka miliki. Di samping itu hubungan yang akrab dengan raja-raja dan pembesar di Indonesia memudahkan lagi bagi mereka untuk mengembangkan Dakwah Islamiah di rantau tersebut.

---

<sup>198</sup> Abū Zakariyā Yahyā Bin Syarf al-Nawāwī (t.t), *Sahīh Muslim Bi sarhi al-Nawāwī*, Bābu al-Ghusli, j. 7, T.T.P, Matba'ah Mahmūd Taufiq, h. 4

## B. Kepentingan Dakwah Islamiah

*Aktifiti* dakwah Islam telah berlangsung di Indonesia sekitar abad ke tujuh Hijriah sebagai *implikasi* penaklukan kota Mekah pada tahun ke lapan Hijriah.<sup>199</sup> Peristiwa ini di kenali sebagai tahun perutusan (*Ām al-Wufūd*).<sup>200</sup> Hasil dari *ekspedisi* ini menyebabkan lebih banyak Kabilah Arab yang masuk Islam. Perkembangan Islam semakin meluas apabila Rasulullah S.A.W sendiri telah menganjurkan kepada para sahabatnya supaya mengembangkan Dakwah Islam ke negeri-negeri yang lebih jauh lagi.

Oleh kerana itu besar kemungkinan ada di antara mereka yang telah sampai ke Indonesia sezaman dengan Rasulullah dengan membawa misi Dakwah Islami. Tambahan pula apabila berlakunya pengislaman negeri Yaman oleh Muaz bin Jabal. Pengislaman ini memberi pengertian yang besar dalam *konteks* perkembangan Islam di Indonesia, kerana hubungan antara Yaman dan Indonesia telah wujud sejak zaman kerajaan Saba' dan Himyar yang memiliki armada besar berfungsi membawa keluar masuk perdagangan ke perairan Indonesia.<sup>201</sup>

Namun ada pendapat menyatakan bahawa kepentingan dakwah ini bermula pada zaman Khalīfah Muā'awiyah bin Abū Sufyān, di mana beliau

---

<sup>199</sup> Muhamad Saīd Ramadān al-Butī (1991), *Fikhu Sīrah al-Nabawiyah*, c. 10, Damsyik: Dār al-Fikr, h. 386

<sup>200</sup> Abdul Rahman (1989), *Pemikiran Umat Islam Di Nusantar*, *op. cit.*, h. 31

<sup>201</sup> *Ibid*

pernah menghubungi Ratu Sima di Jawa dalam tahun 674 M. Ahli sejarah berpendapat bahawa perkembangan dakwah Islami di Indonesia jelas dilihat pada zaman Khalifah Umar bin Abdul Azīz (717-720 M)<sup>202</sup>, iaitu sebagai lanjutan daripada usaha Muā'wiyah bin Abu Sufyān.

Kedatangan bangsa Arab ke Indonesia bertambah banyak lagi apabila terjadinya pemberontakan Hwang Chao di Canton China pada zaman Dinasti Tang 870 M.<sup>203</sup> Peristiwa berdarah tersebut telah mengorbankan hampir seratus ribu nyawa, kebanyakannya terdiri daripada orang Arab Islam. Akibat peristiwa ini ramai di antara mereka yang melarikan diri ke negeri-negeri yang aman termasuk wilayah Nusantara seperti Sumatera Utara, Palembang, Kedah dan lainnya.<sup>204</sup>

### 3.3.2. Kedatangan Islam Dari Parsi

Selain negeri Arab ada juga yang berpendapat bahawa agama Islam masuk ke Indonesia melalui Teluk Parsi (Iran). Pendapat ini berdasarkan kepada keterangan seorang penulis China I Tsing bahawa beliau pernah singgah di Sriwijaya dalam tahun 671 M.<sup>205</sup> Pada ketika itu beliau sempat mempelajari Sabdawijaya (Parama Sastera Sanskerta).

---

<sup>202</sup> Abdul Rahman (1989), *Islam Dalam Sejarah Asia Tenggara Tradisional*, op. cit, h. 90

<sup>203</sup> Hj. Mohd. Rashad Shamsudin, M.D (t.t), *Islam Di China*, Kuala Lumpur: Al-Hidayah, h. 10

<sup>204</sup> Abdul Rahman (1989), *Islam Dalam Sejarah Asia Tenggara Tradisional*, op. cit, h. 91

<sup>205</sup> Dada Meuraxa (1976), *Risalah Seminar Sedjarah Masuknya Islam Ke Indonseia*, op. cit, h. 202

Dalam perjalanan ini beliau menaiki sebuah kapal dari negeri Parsi, yang menuju ke wilayah Indonesia menerusi laluan Parsi-Indonesia-Tiongkok. Menurut keterangannya ketika itu Islam sudah berkembang pesat di Parsi selama lebih kurang empat puluh tahun lamanya.<sup>206</sup> Menurut beliau juga orang Parsi yang turut serta dalam perjalanan itu terdiri daripada orang Islam. Oleh kerana itu mereka mengambil peluang untuk mengembangkan dakwah Islam di wilayah tersebut.<sup>207</sup>

Prof. Dr. P.A Djajaningat turut memberikan sokongan terhadap pendapat ini dengan membuktikan terdapatnya pengaruh budaya yang dibawa oleh bangsa Parsi tersebut ke Indonesia, misalnya pada ejaan dalam bahasa Arab berbunyi (ja) "جبر" berubah menjadi bunyi (za) "زبر"<sup>208</sup> dan terdapat persamaan beberapa hurup tulisan Melayu dengan tulisan bahasa Parsi seperti "غ, ف, پ, گ, چ" dan lain-lain.<sup>209</sup> Selain demikian terdapat juga pengaruh fahaman Syiah di beberapa daerah di Indonesia.

Menurut Mucas, sekitar abad ke tujuh Masihi orang Parsi ramai yang telah bermukim di wilayah Aceh, mereka adalah terdiri daripada saudagar dan pendakwah. Oleh kerana mereka telah bermukim di daerah tersebut, maka ada pula yang berpendapat bahawa perkataan Pasai adalah berasal dari perkataan

---

<sup>206</sup> *Ibid*

<sup>207</sup> *Ibid*

<sup>208</sup> Sidi Ibrahim Boechari (1971), *Sejarah Masuknya Islam Dan Proses Islamisasi Di Indonesia*, Jakarta: Publicita, h. 21

<sup>209</sup> Yaaqub Bin Hj. Hasan (t.t), *Mengenal Indonesia*, Kota Bharu: Mustafa Faris, h. 58

Parsi.<sup>210</sup> Perubahan ini berlaku akibat perkataan itu sering disebut dalam *intonasi* tempatan.

Ibnu Batūtah pula mengatakan, semasa kunjungannya ke Aceh dalam abad ke-13 Masihi beliau menyaksikan beberapa orang ulama Parsi yang hadir ke majelis Sultan Malik al-Zahir putera Malik al-Saleh. Di antara ulama yang beliau sebutkan adalah al-Syaikh Tājudin al-Syīrāzī dan Sayed Syarīf al-Asbahānī.<sup>211</sup> Dijangkakan bahawa, kedua-dua ulama ini telah memainkan peranan di dalam penyiaran Islam di zaman itu.

Dari keterangan di atas dapat diambil kesimpulan bahawa ulama Parsi juga mempunyai peranan dalam mengembangkan dakwah Islam di Alam Melayu. Hubungan mereka yang begitu rapat dengan Kesultanan Aceh lebih memudahkan usaha mereka dalam mengembangkan ajaran Islam kepada masyarakat bawahan. Oleh kerana itu terdapat juga sedikit pengaruh Syi'ah di beberapa daerah di Indonesia, seperti peringatan hari 'Asyura yang dikaitkan dengan kematian Saidina Husain bin Ali r.a dan lain-lain.

Walau bagaimanapun pendapat ini mendapat bantahan yang tegas dari Hamka di dalam risalah yang beliau kemukakan pada seminar sejarah masuknya Islam ke Indonesia pada tahun 1963 di Medan. Dalam bantahannya beliau mengatakan bahawa pendapat tersebut hanyalah rekaan daripada sebahagian

---

<sup>210</sup> *Ibid*

<sup>211</sup> Meuraxa (1967), *Risalah Seminar Sedjarah Masuknya Islam Ke Indonesia, op. cit.*, h. 119



sarjana Barat yang menolak pengaruh Arab terhadap kerajaan-kerajaan di Nusantara. Oleh kerana itu penadapat ini sangat diragui kebenarannya.

### 3.3.3. Kedatangan Islam Melalui India

Agama Islam telah masuk ke Gujerat India selepas Muhamad Ghori menakluki Hindustan sekitar 1203 M.<sup>212</sup> Kejayaan Islam lebih jelas terlihat pada masa pemerintahan Kesultanan Delhi.<sup>213</sup> Pada separuh akhir abad ke-13 perjuangan untuk merebut kekuasaan di Gujerat telah dimenangi oleh umat Islam. Bahkan Cambay turut jatuh ke tangan orang-orang Islam sekitar tahun 1298. Ketika itu hubungan dagang antara Cambay dan Indonesia memang telah wujud, namun pada abad ini perjalanan dagang dengan Indonesia berubah misi kepada misi Islam.<sup>214</sup>

Batu nisan Malik al-Saleh raja Pasai, wafat 1297 M dan makam Maulana Malik Ibrahim di Gresik, Jawa Timur adalah sebagai bukti bahawa kedatangan Islam ke Indonesia adalah berasal dari India.<sup>215</sup> Pandangan ini bersesuaian dengan

---

<sup>212</sup> Ismail Hamid (1985), *op. cit.*, h. 153

<sup>213</sup> Khasnor Johan et al (1993), *Sejarah Peradaban Dunia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, h. 69

<sup>214</sup> Hall (1972), *op. cit.*, h. 243

<sup>215</sup> Sidi Ibrahim (1971), *op. cit.*, h. 21

hasil penelitian yang dilakukan oleh Moquette, bahawa batu nisan tersebut mempunyai persamaan dengan batu nisan Umar ibnu Khazarumi di Gujerat India.<sup>216</sup>

Pendapat ini dikuatkan lagi dengan pendapat Prof. DR. Husein Nainar seorang *intelektual* Muslim India yang mengatakan bahawa Islam telah masuk ke Indonesia sejak abad ke-7 melalui Gujerat India.<sup>217</sup> Dimana menurut beliau hubungan antara Indonesia dan India telah wujud beberapa abad lamanya sebelum kedatangan Islam.

Selain Moquette R.A. Kren juga mengatakan bahawa Gujerat adalah tempat asal Islam yang dikembangkan di Indonesia, iaitu berdasarkan penelitian terhadap batu nisan yang disebutkan diatas. Namun di lain pihak pendapat ini ditentang oleh G.E. Morison yang mengandaikan bahawa kedatangan Islam adalah berasal dari Benggal bukan dari Gujerat, sebab ketika kerajaan Samudera di Islamkan Gujerat dan daerah-daerah lain di India masih lagi beragama Hindu.<sup>218</sup>

Dalam kenyataannya terhadap teori ini beliau telah mengemukakan beberapa alasan untuk menguatkan pendapat, bahawa agama Islam masuk ke

---

<sup>216</sup> Abdul Rahman (1989), *Pemikiran Umat Islam Di Nusantara*, *op. cit.*, h. 43

<sup>217</sup> Meuraxa (1967), *Risalah Seminar Masuknya Islam Di Indonesia*, *op. cit.*, h. 265 dan Md. Mansoer, *op. cit.*, h. 67-68

<sup>218</sup> Abdul Rahman (t.t), *Sejarah Dan Pemikiran Islam*, *op. cit.*, h. 241

Indonesia berasal dari India, iaitu kerana penduduk Malabar dan penduduk Indonesia masing-masing berpegang pada mazhab yang sama, iaitu mazhab Syafie. Mazhab Syafie adalah satu mazhab Islam yang dipelopori oleh seorang ulama yan terkenal, iatu Imam Muhammad Bin Idris al-Syafie. Mazhab beliau telah berkembang di sebahagian besar dunia, terutamanya di bahagian Asia.

Selain daripada itu terdapat juga buku-buku yang menerangkan bahawa ulama-ulama dahulu yang mengajarkan asas agama Islam kepada orang-orang Indonesia seperti Maulana Malik Ibrahim, Maulana Nuruddin Ibrahim bin Maulana Ismail adalah berasal dari India, kerana nama-nama seperti ini kerap digunakan di negeri tersebut.<sup>219</sup>

Secara umum dapat dilihat bahawa teori ini mempunyai penyokong yang sangat ramai, walaupun terdapat perbezaan pendapat mengenai daerah pertama yang membawa Islam ke Indonesia. Hal ini berlaku kerana teori ini berdasarkan kepada hubungan dagang antara Indonesia dan India yang telah wujud sejak berabadd-abad lamanya, sebelum kedatangan Islam. Diantara penyokong teori adalah C.A.O. Van Nieuwenhueze dan Van Ronkel.<sup>220</sup>

---

<sup>219</sup> Yaaqub Bin Hj. Hasan (t.t), *op. cit.*, h. 56

<sup>220</sup> Wan Husein Azmi (1980), *op. cit.*

### 3.3.4. Kedatangan Islam Melalui China

Teori ini telah dikemukakan oleh Emanuel Godinho De Eradie dalam tahun 1613 M. Dalam teorinya beliau menyatakan bahawa aqidah Muhammad telahpun diterima di Patani dan Pam di Pantai Timur, kemudian di terima dikembangkan sekitar tahun 1411 oleh Permaicuri<sup>221</sup> atau Parameswara, iaitu raja negeri Melaka yang pertama.

Hubungan dagang antara Arab dan China dikatakan sudah wujud sebelum kelahiran Islam lagi. Pedagang-pedagang Arab datang ke negeri China membawa barang dagangan seperti bau-bauan atau minyak wangi, mutiara, batu-batu berharga, disamping itu mereka juga membeli sutera dan tembikar dari negeri China.

Hubungan dagang ini berterusan sehingga masa kelahiran Islam, dimana semasa hidup Rasulullah S.A.W seorang sahabat yang bernama Abū Kasbah telah pergi ke Tiongkok dan mendarat di Canton tahun 627 M lalu menjalankan dakwah Islam di sana. Dalam tahun 632 M pula beliau telah mendirikan sebuah Masjid di Canton.<sup>222</sup>

Sekembalinya beliau ke Madinah, beliau mendapati bahawa baginda telah wafat sebulan lamanya. Tidak lama sesudah itu beliau kembali semula ke

---

<sup>221</sup> *Ibid*

<sup>222</sup> Meuraxa (1967), *Sejarah Masuknya Islam Ke Bandar Barus*, *op. cit.*, h. 17

Tiongkok dengan membawa Mushaf yang disusun dan ditulis oleh Khalifah Abū Bakar r.a.<sup>223</sup> Besar kemungkinan sahabat inilah yang mengembangkan dakwah Islam di negeri China, disamping mengajar tentang agama Islam, beliau juga memperkenalkan Kitabullah sebagai sumber Syariat Islam kepada masyarakat setempat. Beliau meninggal dunia di Kuang Cu di negeri China dan dikuburkan di sana.<sup>224</sup>

Sebelum Nabi Muhammad S.A.W diutus, bangsa Arab telah membina penempatan disepanjang laluan perdagangan antara Laut Merah dan China. Kedatangan Islam memberi dorongan baru terhadap sistem perkapalan mereka. Penempatan bangsa Arab ini semakin lama semakin bertambah sehinggalah sehingga sekitar abad ke-8 Masihi, pengaruh dan kekuatan mereka semakin jelas terlihat apabila mereka cuba melanggar Canton di Selatan China sekitar tahun 758 M.<sup>225</sup>

Tragedi berdarah ini telah mengorbankan ribuan orang asing dan kebanyakannya adalah orang Arab dan Islam. Akibat peristiwa ini ramai diantara mereka yang melarikan diri termasuk ke perairan Nusantara. Melalui penghijrahan ini dapat diambil kesimpulan bahawa kedatangan Islam di Nusantara ini selain dari negara Arab Islam juga datang dari negeri China, sama

---

<sup>223</sup> *Ibid*

<sup>224</sup> *Ibid*

<sup>225</sup> Hall (1972), *op. cit.*, h. 243

ada dibawa oleh orang Islam China sendiri ataupun melalui pelarian Arab yang sudah lama bertapak di negeri China.

Tinjauan dari beberapa teori di atas menunjukkan bahawa kedatangan Islam ke Indonesia adalah secara beransur-ansur dan memakan waktu yang cukup lama. Pada awalnya Islam hanya dibawa melalui saudagar-saudagar yang menjalankan aktiviti perniagaan di daerah tersebut. Oleh kerana mereka adalah orang Islam, maka sedikit sebanyak mereka turut berdakwah kepada penduduk tempatan sekurang-kurangnya melalui tingkah laku serta akhlak mereka yang mencerminkan kemurnian Islam.

Pada peringkat kedua setelah peranan saudagar-saudagar ini menampakkan hasil yang *positif*, para pendakwah ini meneruskan usaha mereka untuk menyeru masyarakat tempatan, agar memeluk agama Islam dengan memberi tunjuk ajar kepada mereka tentang syariat Islam secara lebih terperinci agar syariat ini dapat dilaksanakan dengan lebih baik dan sempurna. Oleh itu ajaran Islam memberikan kesan dan pengaruh terhadap segala aspek kehidupan masyarakat tersebut.

Berkenaan dengan masalah sumber awal kedatangan Islam di rantau ini menurut apa yang difahami oleh penulis adalah berasal dari negeri Arab, sama ada secara langsung atau melalui orang Arab yang telah lama bermukim di suatu negeri dan menyiarkan agama tersebut ke rantau ini. Seperti keadaan yang berlaku

di negeri China, di mana ramai bangsa Arab yang telah bermastutin di negeri tersebut dan terus melanjutkan usaha dakwah mereka ke negeri-negeri lain termasuk Nusantara.

### **3.4. PERANAN DELI DALAM PENYEBARAN ISLAM**

Perkembangan Islam di Nusantara bermula dari usaha yang dilakukan oleh para saudagar Muslim yang datang dari negara Arab, India dan sebagainya. Selain daripada berdagang, peranan mereka dalam mengembangkan Islam juga tidak dapat dinafikan, kerana kebanyakan mereka yang datang adalah beragama Islam dan memang sewajarnya bagi mereka untuk mengembangkan dakwah tersebut.

Setelah usaha ini berjaya, maka aktiviti dakwah ini dilanjutkan pula oleh para ulama yang datang dari negara-negara berkenaan agar mesej dakwah ini berjalan dengan lancar. Para ulama tersebut bekerja sama dengan para saudagar yang telah berpengalaman dalam dan memahami keadaan masyarakat serta situasi setempat.

Kedatangan mereka telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada masyarakat tempatan. Dalam jangka masa yang tidak terlalu lama akhirnya mereka berjaya mangislamkan sebahagian besar wilayah Nusantara, terutama di Sumatera yang merupakan tempat awal bertapaknya Islam di Nusantara. Di wilayah ini telah berdiri beberapa buah kerajaan Islam yang banyak

membantu terhadap perkembangan Islam. Kemunculan kerajaan-kerajaan Islam ini adalah merupakan hasil usaha yang telah mereka lakukan.

Kerajaan Aceh adalah di antara kerajaan Islam di Sumatera yang memainkan peranan penting dalam menyebarkan Islam di wilayah jajahannya. Jikalau pedagang Arab serta India dan lain-lainnya telah berjaya mengislamkan kawasan pesisir pantai yang *majority* penduduknya Melayu, namun daerah-daerah pedalaman seperti Karo, Batak dan lain-lain yang masih terikat kuat dengan penyembahan berhala mahupun fahaman *Anismisme*.

Untuk mengislamkan daerah-daerah ini maka kerajaan Aceh telah menghantar pasukannya untuk menakluki daerah tersebut. Setelah penaklukan berjaya maka bermulalah *aktiviti* dakwah. Untuk memudahkan *aktiviti* tersebut pada kebiasaannya diadakan perkahwinan antara pembesar-pembesar istana bahkan Sultan sendiri dengan puteri-puteri daerah tersebut.

Hasil dari perkahwinan ini, membuka peluang bagi mereka untuk menjalankan kegiatan dakwah ditengah-tengah masyarakat, kedatangan mereka dapat diterima oleh masyarakat tempatan kerana dianggap sebagai saudara kerana telah berkahwin dengan keturunan mereka. Apabila hati mereka telah tertambat, maka secara mudah mereka juga akan memeluk agama Islam.



Sebagaimana usaha yang dilakukan kerajaan Aceh, maka kerajaan Deli juga mempunyai peranan yang penting dalam mengembangkan Islam di Sumatera terutama di daerah pedalaman. Bahagian Selatan daerah ini bersempadan dengan kawasan Melayu, iaitu dibawah kerajaan Haru atau Deli dan di bahagian Utara pula bersempadan dengan Aceh.

Sebelum itu pasukan Paderi (pasukan suci) dari Minangkabau telah melakukan dakwah ke daerah ini dengan cara memerangi penduduk tempatan yang masih belum menganut agama Islam, akan tetapi usaha ini sia-sia belaka kerana mereka tidak mahu tunduk kepada pasukan tersebut yang datang dengan cara kekerasan.<sup>226</sup>

Setelah kegagalan pasukan Paderi, kerajaan Haru pula mengembangkan Islam di daerah tersebut, namun cara yang dilakukan Haru adalah berbeza dengan cara yang dilakukan Paderi, iaitu dengan cara aman dan damai. Usaha ini dilakukan dengan bekerjasama dengan saudagar-saudagar yang beroperasi di daerah tersebut.<sup>227</sup>

Berkat usaha yang mereka lakukan, akhirnya sebahagian besar masyarakat tersebut memeluk agama Islam, walaupun pada waktu yang sama misi *Kristianisasi* telah bertapak di daerah tersebut, namun ada di antara mereka

---

<sup>226</sup> Arnold (t.t), *op. cit.*, h. 408

<sup>227</sup> *Ibid*

yang masuk Islam walaupun sudah di latih di bawah misi *Kristianisasi*.<sup>228</sup> Misi ini dilancarkan secara besar-besaran oleh penjajah Belanda.

Menurut kenyataan yang dikemukakan T.W.Arnold dalam bukunya “al-Dakwah Ilal Islam” bahawa yang berjaya mengembangkan dakwah tersebut ke daerah pedalaman adalah suku bangsa Melayu yang dikenali dengan sifat lemah lembut dan gigih dalam perjuangan.<sup>229</sup> Bangsa Melayu yang beliau maksud adalah masyarakat Melayu Sumatera Timur yang pada waktu itu dibawah pemerintahan kerajaan Haru dan kemudian berubah menjadi kerajaan Melayu Deli.

Kenyataan ini sangat *relevan* sekali kerana sepanjang yang diketahui ramai di antara masyarakat Batak mahupun Karo yang menggolongkan diri mereka sebagai Melayu dengan menghilangkan marga mereka yang dianggap sebagai *identity* suku bangsa mereka, setelah mereka masuk Islam. Faktor kedudukannya yang bersempadan daerah tersebut turut membantu usaha pengislaman tersebut.

Usaha menyiarkan agama Islam ke daerah ini juga dibantu oleh masyarakat Melayu pesisir yang telah terdahulu masuk Islam. Mereka berusaha sedaya upaya untuk menyebarkan dakwah tersebut. Disamping itu sebahagian

---

<sup>228</sup> *Ibid*

<sup>229</sup> Arnold, *op. cit.*, h. 408

mereka ada pula yang pergi belajar menuntut ilmu pengetahuan sebagai bekal untuk berdakwah.<sup>230</sup>

Dari fakta lain dapat dilihat bahawa Gocah Pahlawan yang mengasaskan kerajaan Deli telah mengadakan pekahwinan dengan beberapa suku di Sumatera diantaranya puteri Raja Senembah dari Sibayak dan puteri Nang Buluan adik kepada kepala suku daerah Sunggal yang berdarah Karo.<sup>231</sup> Dengan adanya perkahwinan ini, maka terjalinlah hubungan persaudaraan antara Gocah Pahlawan dan keluarga tersebut. Setelah hubungan ini terjalin dengan baik, maka pihak yang dikahwini Gocah Pahlawan memeluk agama Islam.

Perkembangan Dakwah Islam di Sumatera Utara terus berkembang pada zaman pemerintahan Sultan Amaludin Sani Perkasa Alam 1924-1945 M, beliau sangat mengutamakan kemajuan Islam di dalam negerinya. Beliau telah melantik Syaikh Hasan Maasum salah seorang Ulama yang terkenal pada masa itu sebagai ulama negeri Deli yang setingkat dengan jabatan Mufti. Majid Raya al-Mansun yang didirikan dihadapan istana Maimon telah dijadikan sebagai pusat kegiatan agama Islam.<sup>232</sup>

---

<sup>230</sup> Hj. Aboebakar Atjeh (1963), *Sekitar Masuknya Islam Ke Indonesia Berita Tentang Perlak Dan Pase* Dalam Risalah Seminar Sedjarah Masuknya Islam Ke Indonesia, Medan: Panitia Seminar Sedjarah Masuknya Islam Ke Indonesia.

<sup>231</sup> Lah Husni Lintasan Sejarah Peradaban Suku Melayu, *op. cit.*, h. 40

<sup>232</sup> Admansyah, *Butir-Butir Sejarah Melayu Sumatera Timur*, *op. cit.*, h. 158

Peranan kerajaan Melayu Deli dalam mengembangkan Islam di daerah Sumatera bukan hanya setakat itu sahaja, akan tetapi berlanjutan sampai sekarang, dimana pertubuhan-pertubuhan Islam mendirikan pusat-pusat Islam serta mengutus pendakwah-pendakwah ke daerah-daerah pedalaman yang majority berfahaman Pelbegu (tanpa menganut sebarang agama).